


Manual Pencarian Bahan :-





Pastikan koleksi berada di dalam status "available"




Perpustakaan Kejuruteraan
Kampus Kejuruteraan
Universiti Sains Malaysia
Seri Ampangan, 14300 Nibong Tebal
Pulau Pinang
Tel : 04-5995113
Faks: 04-5941019
E-Mel : kikfar@eng.usm.my
Laman Web : http://library.eng.usm.my



PROJEK :
PERKHIDMATAN
"A LA-CARTE"



Pengenalan :-



Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Perpustakaan Kejuruteraan dalam rangka memperkenalkan perkhidmatan baru sebagai tambahan daripada perkhidmatan sedia ada kepada warga kampus.

Selaras dengan itu, Kumpulan KIK menawarkan perkhidmatan “A La-Carte” iaitu proses mendapatkan bahan-bahan melalui pesanan daripada senarai menu yang telah disediakan. Penghantaran buku akan dihantar terus kepada pengguna. Perkhidmatan ini berkonsepkan “mobile library”.

Sebagai makluman, Kumpulan KIK Perpustakaan Kejuruteraan telah ditubuhkan pada 1 Mac 2010. Dianggotai seramai 8 orang dan 1 orang fasilitator. Perkhidmatan yang bakal diperkenalkan adalah merupakan projek terkini yang akan dijalankan oleh Kumpulan KIK.

1) Kenapa “A La-Carte” ?

- Merupakan projek terbaru Kumpulan KIK;
- Sebagai tambahan perkhidmatan baru Perpustakaan;
- Ingin menjadi sebuah organisasi/Jabatan yang mampu memberikan perkhidmatan yang pelbagai.

2) Bila ianya akan dimulakan ?

- Bermula pada bulan ogos 2013;
- Setelah jadual dikeluarkan, kumpulan akan bergerak mengikut zon yang telah ditentukan.

3) Mengapakah perkhidmatan “A La-Carte” ini diperkenalkan ?

- Bagi mengelakkan pengguna menghadapi kekangan masa ke Perpustakaan;
- Memudahkan pengguna mendapatkan bahan-bahan tanpa perlu ke Perpustakaan.

4) Siapa yang layak menggunakan perkhidmatan ini ?

- Staf pentadbiran

5) Bagaimana perkhidmatan “A La-Carte” ini berfungsi ?

- Dengan menyediakan senarai menu buku yang terkini;
- Senarai buku yang disediakan mengikut kategori buku yang dikatalog dan berada di koleksi Perpustakaan Kejuruteraan sahaja;
- Senarai menu buku yang disediakan terdiri dari bacaan ilmiah dan bacaan santai;
- Terdapat 3 kaedah pinjaman :-
 - * Melalui borang;
 - * Melalui telefon.



• Agihan zon :-

Zon A <ul style="list-style-type: none"> • Pusat Islam • Kej. Elektrik & Elektronik • Kej. Mekanik • Pusat Rekabentuk Mikro-elektronik Negara (CEDAC) • Kej. Aerongkasa 	Zon B <ul style="list-style-type: none"> • Kej. Awam • Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi • REDAC • Pusat Peng. Bahasa, Literasi & Terjemahan • Kej. Bahan & Sumber Mineral 	Zon C <ul style="list-style-type: none"> • Jab. Pendaftar • Jab. Bendahari • Jab. Keselamatan • Pejabat Pengarah • Desasiswa Utama
Zon D <ul style="list-style-type: none"> • Desasiswa Jaya • Desasiswa Lembaran • Bahagian Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar • UKKP • Jab. Pembangunan 	Zon E <ul style="list-style-type: none"> • Kej. Kimia • Unit Kesihatan • Pusat Rancangan Kokurikulum • Pusat Penyelidikan Sains & Kerja (Serc) • Institut Pengajian Siswazah 	

- Tempoh pinjaman :-
 - * 14 hari (2 bahan).
- Waktu operasi :-
 - * Selasa dan Khamis (9.00 pagi—12.00 tengahari);
 - * Melalui “road show” ke setiap Jabatan/Pusat Pengajian.



Proses Perkhidmatan “A La-Carte” :-

